

# Sukan Muafakat Johor 2016 **meriah**

Dua acara sukan tambahan menyerikan lagi penganjuran pada tahun ini

**BATU PAHAT** - Seramai 2,016 atlet dan pegawai dari Dun Johor menyertai Sukan Muafakat Johor 2016 yang berlangsung di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), di sini, pada 30 April hingga 1 Mei lalu.

Penganjuran pada tahun ini dimeriahkan lagi dengan dua acara sukan tambahan iaitu Larian Muafakat Johor dan pertandingan Kabaddi Muafakat Johor.

Larian Muafakat Johor disertai seramai 1,000 orang terdiri daripada penuntut UTHM dan masyarakat setempat.

Manakala pertandingan Kabaddi Muafakat Johor menarik penyertaan 150 orang.

Empat acara utama iaitu futsal, sepak takraw, bola jaring dan bola keranjang '3 on 3' berjalan dengan jayanya.

Majlis Perasmian Sukan Muafakat Johor disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa



Johan bagi acara futsal diungguli oleh Dun Tenang.

Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan selaku wakil rasmi Menteri Besar Johor.

Dalam ucapannya, beliau memberitahu sukan merupakan satu medium yang dapat menyatupadukan semangat permuafakatan tanpa mengira agama dan bangsa.

Menurutnya, sukan juga menjadikan sesebuah negeri maju bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi yang paling utama adalah kerjasama dalam membangunkan jati diri dan keharmonian sesama kita.

Turut hadir, Pegawai Daerah Batu Pahat, Mohd Halim Hasbullah dan Pengerah

Majlis Sukan Negeri Johor, Mohd Radzi Mohd Amin.

Johan bagi acara futsal dimenangi oleh Dun Tenang, manakala naib johan Dun Stulang dan tempat ketiga dimenangi Dun Endau, keempat Dun Mahkota.

Bagi acara sepak takraw pula, Dun Tangkak diumumkan selaku johan, diikuti Dun

Nusajaya (naib johan), Dun Permas (ketiga) dan Dun Parit Raja (keempat).

Bagi keputusan bola jaring, johan dimenangi Dun Mahkota, diikuti naib johan menjadi milik Dun Endau, manakala tempat ketiga, Dun Bukit Batu dan keempat, Dun Mengkibol.

Acara Bola Keranjang '3

on 3' dimenangi oleh Dun Nusajaya, Dun Parit Raja (naib johan), Dun Yong Peng (ketiga) dan Dun Gambir (keempat).

Juara keseluruhan Sukan Muafakat Johor 2016 dimenangi Dun Nusajaya, sekali gus membawa pulang RM3,000 dan piala pusingan.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Pegawai Daerah Batu Pahat, Mohd Halim Hasbullah di Dewan Terbuka UTHM.

Mohd Halim turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan Johor atas kepercayaan kepada daerah Batu Pahat bagi menjadi Tuan Rumah Sukan Muafakat Johor tahun ini.

Malah turut tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada jabatan-jabatan yang membantu memastikan sukan berkenaan berjalan lancar.



Dun Mahkota turut cemerlang apabila dinobatkan johan acara bola jaring.



Acara bola keranjang '3 on 3' dimenangi oleh Dun Nusajaya.



Dun Tangkak diumumkan johan bagi acara sepak takraw.



Urus setia Sukan Muafakat Johor 2016 tidak melepaskan peluang bergambar bersama.



Juara keseluruhan menjadi milik Dun Nusajaya.